

# **GARISPANDUAN PENGISIAN PERAKUAN BAYARAN INTERIM**

## **1.0. PENDAHULUAN**

- 1.1 Terdapat kekeliruan dan ketidakseragaman di dalam pengisian Perakuan Bayaran Interim. Oleh itu Garispanduan ini bertujuan untuk menjelaskan cara pengisian butiran di dalam format Perakuan Bayaran Interim untuk mengelak kesilapan dan pertanyaan dari pihak pembayar yang boleh menyebabkan berlaku kelewatan pembayaran kepada kontraktor.

## **2.0 BORANG YANG DIGUNAPAKAI**

- 2.1 Borang yang digunakan ialah Borang **JKR 66(Pin.3/1999)**. Sila rujuk **LAMPIRAN II**.

## **3.0 PANDUAN MENGISI BORANG**

- 3.1 Lengkapkan butiran-butiran kontrak dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:-

### **3.1.1 ALAMAT KONTRAKTOR**

Lengkapkan mengikut alamat di Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau alamat surat-menyurat terkini yang disahkan secara bertulis dan ditandatangani oleh kontraktor/penama yang terdapat di dalam Sijil Pendaftaran PKK.

### **3.1.2 JUMLAH BERSIH TAMBAHAN/POTONGAN**

Masukkan nilai dari amaun Perakuan Pelarasan Jumlah Harga Kontrak yang terkini yang telah **diluluskan**.

### **3.1.3 HARGA BARU KONTRAK**

Ia adalah amaun kontrak terlaras setelah mengambikira amaun PPJHK yang telah **diluluskan** dan harga asal kontrak.

## **3.2 BAHAGIAN A – BUTIR-BUTIR BAYARAN DAN POTONGAN**

### **3.2.1 TARIKH PENILAIAN**

- i) Tarikh penilaian adalah **tarikh akhir penilaian di tapakbina** disiapkan.

- ii) Bagi perakuan bayaran interim yang disediakan selepas tarikh siap kerja/di dalam tempoh tanggungan kecacatan, tarikh penilaian hendaklah **tidak lewat** dari tarikh siap kerja termasuk lanjutan masa kerana tarikh penilaian tidak boleh melepasi tarikh siap kerja.

### 3.2.2 NILAI KERJA DILAKSANAKAN DAN AMAUN-AMAUN LAIN YANG KENA DIBAYAR.

Nilai kerja adalah merujuk kepada:

- i) Nilai kerja yang telah disiapkan (workdone) termasuk kerja-kerja tambahan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja pada tarikh penilaian, termasuk mengadakan item-item 'preliminaries'.
- ii) Barang tak pasang (material-on-site) kecuali bahan-bahan 'premature', 'defective material' iaitu bahan-bahan yang tidak diluluskan oleh S.O. Kadar harga yang digunakan adalah kadar harga pasaran semasa.
- iii) Pelarasan turun naik harga bahan yang terlibat sepertimana yang diperuntukkan di dalam kontrak.
- iv) Kerja-kerja di bawah item 'Provisional Sum' dan 'Prime Cost Sum' yang telah dilaksanakan dan diluluskan.

**Catatan:**

*Nilai kerja dilaksanakan dan amaun-amaun kena dibayar mestilah tidak melebihi harga baru kontrak. Sekiranya melebihi, pelarasan perlu dibuat melalui PPJHK.*

### 3.2.3 KURANGKAN Bayaran Interim Yang Terdahulu No.

Catitkan No. 1 (jika bayaran yang akan dibuat adalah bayaran interim kedua) atau no. 1-2 (bagi bayaran interim ketiga) dan seterusnya.

Amaun yang dicatitkan adalah **Jumlah Bayaran Interim** terkumpul terdahulu seperti di item 1, muka 2/3 di **BAHAGIAN B (PERAKUAN BAYARAN)**. Ini bermakna amaun berkenaan tidak termasuk amaun Wang Jaminan Pelaksanaan.

### 3.2.4 NILAI BERSIH KERJA SEMASA

Nilainya adalah item 2 **tolak** item 3 (rujukan Borang **JKR 66-Pin. 3/1999**).

### 3.2.5 POTONGAN

a) Bayaran Balik Wang Pendahuluan.

Penolakan (recoupment) amaun Wang Pendahuluan dibuat setelah kemajuan kerja (termasuk 'material on site') mencapai 25% daripada kerja pembina.

i) Amaun Terkumpul : Potongan terkumpul yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Interim; merujuk formula berikut:-

$$RM D = \frac{2 \times RM AP}{RM CS - RM PC\&PS} \times \{ RM WD - 0.25 (RM CS - RM PC\&PS) \}$$

Di mana,

RM D = Potongan kumulatif yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Interim;

RM AP = Amaun Wang Pendahuluan yang telah dibayar;

RM WD = Nilai kerja yang dilaksanakan termasuk 90% daripada nilai bahan dan barang-barang tak pasang yang diserahkan-hantar ke tapak bina;

RM CS = Jumlah Harga Kontrak; dan

RM PC&PS = Jumlah Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara dalam Kontrak.

ii) Amaun Terdahulu : Amaun terkumpul di dalam bayaran interim terdahulu.

iii) Amaun Semasa : Perbezaan amaun terkumpul dengan amaun terdahulu.

b) Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (amaun terdahulu)

Nilai adalah merupakan jumlah terkumpul Kredit Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (item 2 **BAHAGIAN B**) dari bayaran-bayaran terdahulu.

- c) Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan @ RM ...../hari selama.....hari.

Diisi sekiranya kontraktor dikenakan tindakan apabila Perakuan Kerja Tidak Siap dikeluarkan.

Perkiraan denda bermula dari tarikh kerja tak siap (seperti dicatatkan dalam Perakuan Kerja Tidak Siap) sehingga tarikh kerja tersebut disiapkan sepenuhnya seperti dicatatkan di dalam Perakuan Siap Kerja atau sehingga tarikh penilaian (yang mana terdahulu).

- d) Potongan lain jika ada.

Peruntukan syarat-syarat kontrak membenarkan potongan dibuat jika kontraktor gagal menunaikan obligasinya. Contohnya:

- a) Perlanjutan Insuran/Jaminan Pelaksanaan oleh Jabatan.
- b) Penyudahan kerja-kerja dan kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh Jabatan atau pihak ketiga yang dilantik oleh jabatan setelah kontraktor gagal melaksanakannya.
- c) Pembayaran terus kepada PERKESO, CIDB levi dll.

3.2.6 **BAYARAN DISYORKAN** ialah nilai item 4 **tolak** item 5 (Rujukan Borang **JKR 66-Pin. 3/1999**)

3.2.7 Pegawai Pengesyor

Turunkan tandatangan dan cop nama serta jawatan pegawai yang bertanggungjawab menyelia projek.

3.2.8 Masukkan tarikh tandatangan pengesyoran dibuat.

### 3.3 **BAHAGIAN B – PERAKUAN BAYARAN**

3.3.1 **BAYARAN YANG DISYORKAN** di muka 1/3 Borang **JKR 66 – Pin. 3/1999** boleh dibundarkan kepada ratus yang terendah dan dibawa ke muka 2/3 **BAHAGIAN B** di bawah perkara **BAYARAN DIPERAKUKAN**.

- 3.3.2 **BAHAGIAN B** (Borang **JKR 66-Pin. 3/1999**) bertujuan untuk mengagihkan bayaran yang disyorkan kepada yang berikut mengikut keutamaan seperti berikut:
- Kredit Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (Diisi Jika Berkenaan)  
Nilai yang dinyatakan adalah 10% daripada bayaran disyorkan sehingga 5% daripada harga kontrak.
  - Sub kontraktor/Penerima bayaran  
Bayaran adalah berdasarkan **Lampiran A**.
  - Kontraktor Utama  
Bayaran diperakukan ditolak Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan dan Sub kontraktor/Penerima bayaran.
- 3.3.3 Masukkan nilai bayaran disyorkan di item 1(a) Kepada Kontraktor Utama, ruangan **Jumlah Bayaran Interim** dan **BAYARAN DIPERAKUKAN**.
- 3.3.4 Masukkan nilai dalam perkataan.
- 3.3.5 Pegawai Yang Diberikuasa Memperakukan  
Turunkan tandatangan wakil Pegawai Penguasa yang dilantik dan cop nama serta jawatan.
- 3.3.6 Masukkan tarikh tandatangan perakuan dibuat.

#### **4.0 SAMPEL**

- 4.1 Sampel Borang JKR 66 (Pin. 3/1999) yang telah diisi adalah seperti di **SAMPEL B** dan **C**.

#### **5.0 PERAKUAN DAN DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN**

- 5.1 Sertakan perakuan dan dokumen-dokumen sokongan berikut semasa mengemukakan perakuan:
- i. Enam (6) salinan Borang **JKR 66 (Pin 3/1999)** yang telah dilengkapi berserta dua (2) salinan butiran perkiraan (jika diperlukan).

- ii. Tiga (3) salinan Surat Setujuterima Tender yang telah ditandatangani, yang diakui sah.
- iii. Tiga (3) salinan fotostat Jaminan Bank/Insurans/ Institut Kewangan bagi Bon Pelaksanaan, (jika berkenaan) yang diakui sah.
- iv. Tiga (3) salinan fotostat (jika berkenaan) Pengesahan ke atas jaminan bagi Bon Pelaksanaan yang diakui sah.
- v. Tiga (3) salinan fotostat Polisi Insurans atau Nota Liputan (cover note) dan resit bayaran premium, yang diakui sah.
- vi. Tiga (3) salinan surat dari PERKESO (SOCSO) yang menunjukkan nombor PERKESO Kontraktor, yang diakui sah.
- vii. Salinan Kelulusan Lembaga Perolehan, yang diakui sah jika perlu.
- viii. Tiga (3) salinan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (jika ada) yang diakui sah.

**Catatan:**

*Perkara (ii) hingga (vii) hanya diperlukan bagi Perakuan Bayaran Interim No. 1 dan sekiranya Bayaran Pendahuluan tidak diambil.*

## **6.0 PEKELILING BERKAITAN**

### 6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan

- i. **SPP Bil. 10/2002 (Tambahan ke Enam kepada SPP Bil. 2/1995)**  
Kemudahan Bayaran Wang Pendahuluan kepada Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan.
- ii. **SPP Bil. 4/2001**  
Prosedur Bayaran Bagi Kontrak Kerja Yang Diselia oleh Project Management Consultant (PMC).
- iii. **SPP Bil. 1/1999 (Tambahan Pertama kepada SPP 10/1995.)**  
Tatacara Bayaran Bagi Perolehan Kerajaan
- iv. **SPP Bil. 10/1995**  
Tatacara Bayaran Bagi Perolehan Kerajaan.
- vi. **SPP Bil. 14/1991 (Tambahan Pertama kepada SPP 14/1991)**  
Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga Di Dalam Kontrak Kerja.

## 6.2 Surat Pekeliling JPS

- i. **Rujukan (49) dlm. PPT. 416 Jilid 2** bertarikh 15.5.1986.  
Dokumen-dokumen untuk bayaran Wang Pendahuluan, Bayaran Kemajuan Pertama dan Bayaran Terakhir bagi kontrak kerja.
- ii. **Rujukan (68) dlm. PPT. 416 Jilid 11** bertarikh 9.3.1989.  
Perakuan Bayaran Kemajuan Bagi Kontrak-kontrak Kerja
- iii. **Rujukan (34) dlm. PPS. 03/6/2 Jilid 3** bertarikh 19.3.1993.  
Prosedur menyokong bayaran kemajuan kepada pemborong di bawah Belanjawan Pembangunan.
- iv. **Rujukan SPJPS.UB Bil. 1/1994** bertarikh 18.1.1994.
  - a) Borang Perakuan Bayaran Interim JKR 66
  - b) Borang Perakuan Pelarasan Jumlah Harga Kontrak JKR 203V
  - c) Borang Perakuan Muktamad
- v. **Rujukan (44) dlm. PPS.10/4/2 CUB Jilid 2** bertarikh 2.8.1995.  
Penyemakan Ke Atas Bayaran Kemajuan Selaras Dengan SPJPS UB 1/95
- vi. **Rujukan Fail (8) dlm. PPS.10/4/2 CUB Jilid 2** bertarikh 16.7. 1996.  
Bayaran Balik Wang Pendahuluan Melalui Pemetongan Dalam Bayaran Kemajuan Dengan Menggunakan Borang JKR 66
- vii. **Rujukan (27) dlm. PPS. 10/4/2 CUB Jilid 2** bertarikh 20.8.1997.  
Tandatangan di Borang Perakuan Bayaran Interim.
- viii. **SPJPS Bil. 2/2000** bertarikh 16.11.2001.
  1. Langkah untuk Mempercepatkan Bayaran Interim.
  2. Pindaan ke atas Borang JKR 66, Pelrasan Jumlah Harga Kontrak (PPJHK) dan Perakuan Muktamad.
  3. Pindaan Kepada Syarat-Syarat Kontrak Berkaitan Bayaran.
- ix. **Rujukan (11) Dlm. PPS 10/4/2 BUB Jilid. 4** bertarikh 16.11.2001.  
Pembayaran Bagi Kerja-Kerja Yang Telah Dilaksanakan Di Bawah Arahan Perubahan Kerja (VO).
- x. **Rujukan (25) dlm. PPS 10/4/2 BUB Jilid. 4** bertarikh 9.5.2002.  
Prosedur Pemulangan 50% Nilai Jaminan Bank/Insurans/Syarikat Kewangan Berlesen dan Wang Jaminan Pelaksanaan apabila Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

## 7. FAQ

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Adakah kontraktor perlu memohon untuk mendapat bayaran interim?	Tidak perlu bagi kontrak berasaskan JKR 203. Perlu bagi kontrak 'Design And Build' kerana ia merupakan tanggungjawab kontraktor.
2.	Perluakah kontraktor mengemukakan butiran pengiraan terperinci?	Tidak perlu bagi kontrak berasaskan JKR 203. Bagi kontrak 'Design And Build' adalah perlu kerana ia merupakan tanggungjawab kontraktor.
3.	Apakah kekerapan bilangan penilaian di tapak?	Minimum penilaian di tapak adalah sekali sebulan.
4.	Adakah jumlah bayaran dibuat mengikut penilaian di tapak?	Bayaran hanya diperakukan setelah mencapai nilai minimum seperti yang dinyatakan di dalam kontrak.
5.	Adakah jumlah diperakukan boleh dibundarkan?	Ya. Boleh dibundarkan kepada ratus yang terendah.
6.	Bolehkah beberapa bayaran dibuat melalui satu penilaian tapak (contohnya kerana peruntukan tidak mencukupi semasa bayaran pertama dibuat)?	Boleh, tetapi baki bayaran hendaklah diperakukan di dalam perakuan yang baru.
7.	Sekiranya Perunding adalah wakil S.O. bolehkah beliau memperakukan bayaran dan siapakah yang layak menandatangani perakuan tersebut?	Ya. Boleh. Pengarah/Pemilik Syarikat
8.	Adakah penilaian tapak boleh dibuat selepas tempoh kontrak?	Tidak boleh.
9.	Bolehkah bayaran dibuat selepas tempoh kontrak?	Boleh, tetapi tarikh penilaian yang dinyatakan mestilah di dalam tempoh kontrak.
10.	Apakah alamat kontraktor yang hendak dinyatakan di dalam JKR 66?	Alamat kontraktor adalah mengikut alamat di Sijil Pendaftaran PKK atau alamat surat-menyurat terkini yang disahkan secara bertulis oleh kontraktor dan ditandatangani oleh kontraktor/penama yang terdapat di dalam Sijil Pendaftaran PKK.



<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
11.	Bolehkah bayaran dibuat terus kepada pembekal?	Peraturan serah hak kepada pembekal hendaklah dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan bil. 15 Tahun 1989.
12.	Sekiranya terdapat perubahan kerja yang hanya diluluskan secara prinsip, bolehkah bayaran dimasukkan ke dalam bayaran interim?	Bayaran boleh dibuat, dengan syarat amaun yang dibayar adalah tidak melebihi 50% daripada amaun Perubahan Kerja.
13.	Sekiranya terdapat kadar harga baru yang belum diluluskan adakah bayaran boleh dibuat?	Bayaran boleh dibuat dengan menggunakan 50% dari kadar harga yang munasabah.